

Implikasi PDPR Terhadap Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Murid di SJK Cina Daerah Melaka Tengah

(Level Of Malay Language Proficiency Of Students In The Final Examination Of The Academic Session (UASA) In SJK After Post-PdPR)

Haryaneh Rahisin^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad¹

¹ SJKC Pay Teck, 45, Kampong Tiga 75200, Melaka, Melaka, Malaysia

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: sienashinee@gmail.com

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.8>

Abstrak: Kajian ini adalah untuk melihat implikasi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) terhadap Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) di SJK selepas pasca Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Ujian UASA ini dilaksanakan kepada murid sekolah rendah Tahap 2 sebagai sebahagian Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang berbentuk sumatif. Bahasa Melayu wajib dikuasai oleh semua yang bergelar rakyat Malaysia. Namun, tahap penguasaan bahasa Melayu murid sekolah jenis kebangsaan (SJK) kini semakin rendah terutamanya dalam kalangan murid bukan penutur natif yang merupakan bahasa Melayu bukan bahasa pertama. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menjadikan protokol temu bual sebagai instrumen utama. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid Tahun 5 yang bersekolah di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Melaka Tengah, Melaka. Dapatan kajian mendapati terdapat tematik utama hasil daripada temu bual, iaitu tema (i) Pembelajaran Murid; (ii) Bahan Pengajaran; dan (iii) Infrastruktur. Antara impak PDPR kepada penguasaan murid dalam bahasa Melayu khasnya semasa Ujian Akhir Sesi Akademik yang dilaksanakan baru-baru ini, semua peserta kajian menyatakan tidak dapat menjawab soalan dalam UASA kerana tidak faham akan kehendak soalan akibat penguasaan serta kemahiran kosa kata yang rendah dan terhad akibat daripada pembelajaran secara dalam talian sebelum ini. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang positif kepada guru, murid dan pihak yang berkenaan dalam usaha meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Melayu murid khasnya murid di SJK.

Kata Kunci: Tahap Penguasaan, UASA, PDPR, Implikasi, Bahasa Melayu

Abstract: This study is to see the implications of teaching and learning at home (PdPR) on the Final Academic Session Test (UASA) in SJK after the post Teaching and learning at home (PdPR). This UASA test is administered to Level 2 primary school students as part of the Summative Classroom Assessment (PBD). Malay must be mastered by all Malaysians. However, the level of mastery of the Malay language among national school students (SJK) is now getting lower, especially among students who are not native speakers whose Malay language is not their first language. This study uses a qualitative design by using the interview protocol as the main instrument. The study participants consisted of three Year 5 students who attended a Chinese National Type School (SJKC) in the Melaka Tengah district, Melaka. The findings of the study found that there are main themes from the interviews, which are the themes

of (i) Student Learning; (ii) Teaching Materials; and (iii) Infrastructure. Among the impact of PDPR on students' proficiency in Malay especially during the Academic Session Final Test that was held recently, all study participants stated that they could not answer the questions in UASA because they did not understand the requirements of the questions due to proficiency and low and limited vocabulary skills as a result of online learning before. Therefore, this study is expected to have a positive impact on teachers, students and concerned parties in an effort to improve students' mastery of Malay language skills, especially students in SJK.

Keywords: Proficiency Level, UASA, PDPR, Implications, Malay Language

1. Pengenalan

Semua murid sama ada yang berada di Sekolah Kebangsaan mahupun yang berada di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau Tamil (SJKT) wajib mempelajari bahasa Melayu secara formal dari Tahun 1 hingga Tahun 6 seperti yang tertakluk serta sejajar dengan polisi kebangsaan kerajaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam (Undang-Undang Parlimen-Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1), semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) perlu mempelajari Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua (B2). Murid yang berada di SJKC dan SJKT adalah rata-rata murid yang merupakan bukan penutur natif Bahasa Melayu. Murid bukan penutur natif ini kebanyakan murid yang berada di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu dengan baik kerana Bahasa Melayu bukanlah bahasa pertama. Murid yang berada di SJK sering memperoleh tahap penguasaan minima iaitu Tahap Penguasaan 3 (TP 3), maka murid ini akan masuk ke kelas peralihan terlebih dahulu sebelum meneruskan ke kelas aliran perdana iaitu Tingkatan Satu. Murid SJK yang tidak menguasai dan memperoleh Tahap Penguasaan minima akan berada di kelas peralihan selama setahun sebelum masuk ke tingkatan 1.

Menurut Wahyu Trisnawati dan Sugito (2021), pandemik COVID-19 telah menyebabkan murid menghabiskan lebih banyak waktu untuk belajar di rumah secara dalam talian ataupun lebih dikenali sebagai Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Bilangan murid yang terlalu ramai menjadikan kelas peralihan yang disediakan tidak mencukupi. Pembelajaran di rumah sangat memberi kesan kepada murid khususnya dalam kalangan murid di SJK. Oleh itu, terdapat perbezaan corak pengajaran Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan (SJK) dan sekolah kebangsaan (SK) dengan kepelbagaian dan penerimaan murid yang berbeza lebih-lebih lagi selepas pasca Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak penyakit Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Kajian ini memperlihatkan permasalahan mempelajari Bahasa Melayu oleh murid selepas setelah kembali ke sekolah selepas pandemik atau PdPR. Dapat dilihat bahawa terutamanya murid di SJK mengalami kesukaran untuk mengikuti pengajaran selepas hampir dua tahun menjalani kelas dalam talian semasa pandemik. Masalah yang dinyatakan murid dalam kajian ini serba sedikit dapat membantu guru untuk merancang aktiviti serta kaedah yang bersesuaian dengan pengetahuan serta masalah yang dihadapi oleh murid. Secara tidak langsung, murid dapat mengetahui masalah yang dihadapi semasa pembelajaran bahasa Melayu dan mencari inisiatif dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka implikasi Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) terhadap Penguasaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) murid. Kajian ini melihat sejauh manakah PdPR yang dijalankan selama hampir dua tahun mempengaruhi penguasaan murid dalam bahasa Melayu di sekolah khususnya semasa menjawab Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) yang telah dijalankan pada akhir penggal sesi persekolahan sesi 2022/2023 lalu. Ujian ini telah dijalankan untuk murid Tahap Dua di sekolah rendah.

2. Ulasan Kajian Lepas

Nora'Azian Nahar (2020), menyatakan bahasa penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid penutur bukan natif di SJK adalah rendah berbanding dengan murid di sekolah kebangsaan (SK). Justeru, apabila kemahiran membaca dan menulis murid lemah, ini sekali gus akan mempengaruhi sesi PdP murid di dalam kelas. Situasi ini secara tidak langsung mendorong murid menjadi kurang berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, kesediaan murid untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu juga akan semakin merosot. Manakala, Faizah Abdul Rashid (2022), penguasaan murid bukan bumiputera di SJK berada dalam keadaan sangat kritikal kerana penguasaan kosa kata yang lemah kerana tidak mempunyai penguasaan kosa kata yang kukuh menyebabkan kesukaran untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik begitu juga semasa membuat penulisan kerana tidak dapat mengutarakan idea akibat penguasaan kosa kata yang terhad.

Selain itu, Chew Fong Peng & Nur Juliana (2021) menyatakan kesediaan murid merangkumi pengetahuan, sikap dan kesediaan mempelajari sesuatu. Kesediaan murid mempelajari bahasa Melayu adalah sangat penting khususnya kepada murid bukan natif. Apabila mempunyai sikap yang sentiasa ingin memperbaiki kelemahan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, murid akan berusaha untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dengan sentiasa bertanya kepada guru jika ada isi pelajaran yang tidak difahami. Jadi, apabila pengetahuan bertambah maka, murid akan lebih bersedia untuk belajar bahasa Melayu tanpa merasakan bahasa Melayu itu satu beban.

3. Masalah Kajian


Data menunjukkan peningkatan kemasukan murid peralihan untuk sesi persekolahan ke sekolah menengah sesi 2023/2024 berdasarkan hasil daripada Ujian Sesi Akhir Akademik (UASA) yang telah dijalankan pada bulan Februari 2023 sebelum berakhirnya sesi persekolahan 2022/2023 yang lalu. Oleh itu, sedikit sebanyak berdasarkan data ini, murid yang berada di SJK berada dalam masalah yang genting lebih-lebih lagi penguasaan kemahiran Bahasa Melayu semakin merosot akibat daripada pelaksanaan Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilaksanakan selama hampir dua tahun akibat daripada penularan wabak penyakit Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuk negara.

Murid yang sudah lama tidak berada di dalam bilik darjah dan diberikan sebarang ujian untuk melihat kompetensi dalam sesuatu subjek terutamanya dalam Bahasa Melayu menjadikan tidak yakin untuk menjawab serta memberi perhatian semasa Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dijalankan. Murid sudah terbiasa dengan sistem tanpa ujian seperti Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kelemahan murid ini dapat dilihat selepas pasca PdPr, di mana murid di SJK mengalami kesukaran untuk memahami isi pelajaran khususnya dalam kemahiran Bahasa Melayu.


4. Tujuan Kajian

Kajian ini melihat sejauh manakah implikasi PdPR yang dijalankan selama hampir dua tahun mempengaruhi penguasaan murid dalam bahasa Melayu di sekolah khususnya semasa menjawab Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) yang telah dijalankan pada akhir penggal sesi persekolahan sesi 2022/2023 lalu. Ujian ini telah dijalankan untuk murid-murid Tahap Dua di sekolah rendah.

5. Kerangka Konseptual dan Kerangka Teoritikal



Rajah 1: Kerangka Konseptual



Rajah 2: Kerangka Teoritikal

6. Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Kaedah temu bual telah dipilih untuk mengumpul data kajian ini. Di samping itu, kajian ini telah dijalankan di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Melaka Tengah, Melaka. Pemilihan tempat adalah berdasarkan kemudahan pengkaji untuk mengakses tempat kajian dengan lebih mudah. Sampel kajian merupakan tiga orang murid Tahun 5 yang berusia sebelas tahun. Pemilihan Peserta Kajian (PK) ialah berdasarkan markah yang diperolehi oleh PK semasa UASA yang lalu. Tiga orang pakar dalam bidang pendidikan telah membuat kesahan dan kebolehpercayaan akan soalan yang terdapat dalam instrumen temu bual sebelum kajian dijalankan. Selepas kesahan dan kebolehpercayaan tentang instrumen temu bual, maka, satu kajian rintis melibatkan dua orang murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Jasin, Melaka. Pemilihan peserta kajian ini adalah secara bertujuan dan peserta kajian rintis ini tidak terlibat di dalam kajian yang sebenar. Analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti aspek seperti tema, konsep dan makna. Data yang diperolehi adalah hasil daripada transkripsi yang telah diperolehi hasil daripada temu bual yang dijalankan.

7. Dapatan Kajian

Pembelajaran Bahasa Melayu secara bersemuka dan secara dalam talian mempunyai kebaikan dan keburukan yang dihadapi oleh murid khususnya murid yang berada di SJK yang rata-ratanya adalah dalam kalangan murid bukan Melayu ataupun bukan penutur natif bahasa Melayu. Apabila Ujian Sesi Akhir Akademik dilaksanakan pada bulan Februari 2023 yang lalu, keyakinan murid dalam penguasaan bahasa Melayu semakin berkurang akibat melihat markah yang diperolehi dalam ujian tersebut. Ramai murid yang tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan baik khususnya bagi sekolah di SJK sehingga menunjukkan peningkatan murid yang mengikuti kelas peralihan di sekolah menengah. Hal ini kerana, penguasaan bahasa Melayu yang semakin rendah setelah hampir dua tahun mengikuti kelas secara dalam talian

akibat daripada penularan wabak Covid-19 yang mengakibatkan penutupan semua institusi pendidikan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pihak Kerajaan bagi menyekat penularan wabak Covid-19 ini. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji mendapati beberapa kesan atau implikasi yang dihadapi murid selepas pasca PdPR terhadap penguasaan Bahasa Melayu mereka berdasarkan tiga konstruk iaitu pembelajaran, bahan pengajaran dan infrastruktur murid.

Implikasi PDPR Terhadap Penguasaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Murid.

Terdapat tiga orang peserta kajian (PK) dalam kajian ini. Kaedah temu bual telah dijalankan. Tiga orang peserta kajian ini adalah terdiri daripada murid di sekolah rendah SJK yang dipilih hasil daripada markah UASA mereka yang lalu. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan implikasi PDPR terhadap Penguasaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) murid berdasarkan tiga konstruk utama iaitu pembelajaran, bahan pengajaran dan infrastruktur.

Jadual 1: Pembelajaran Murid

Konstruk 1: Pembelajaran	PK1	PK2	PK3	Jumlah
Saya tidak faham isi pelajaran yang disampaikan oleh guru semasa kelas dalam talian.	/	/	/	3
Saya tidak dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru dengan baik.	/	x	/	2
Saya tidak dapat bertanya secara terus semasa kelas dalam talian.	/	/	/	3
Menjawab soalan secara sambil lewa (tikam)	/	x	/	2

Hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan bersama tiga orang peserta kajian mendapati terdapat beberapa masalah berdasarkan konstruk pertama iaitu pembelajaran murid semasa kelas secara dalam talian dijalankan. Ketiga-tiga peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak faham dan tidak boleh bertanya secara terus jika menghadapi masalah tentang isi pelajaran semasa kelas dalam talian dilaksanakan menyebabkan Kemahiran Bahasa Melayu mereka semakin rendah. Manakala, dua orang peserta kajian menyatakan tidak dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru dengan baik semasa kelas dalam talian.

Masa kelas Bahasa Melayu itu lorhh...saya tidak faham saya belajar apa..hmmm..lagi satu aaa saya memang tidak boleh jawab kalau cikgu bagi kerja rumah sama kami....saya main tikam saja jawapan...(PK1,TB).

Saya kan cikgu, masa cikgu bagi soalan masa kelas online, saya main buat je cikgu. Saya tak faham pun apa yang saya belajar...saya nak tanya cikgu tapi tak sempat sebab ramai yang tanya dulu sebelum saya. Lepastu saya terus lupa nak tanya...(PK3,TB)

Menurut PK1 dan PK3 menghadapi masalah kerana tidak faham apa yang dipelajari semasa kelas dalam talian berjalan. Peserta kajian juga ada menyatakan apabila terdapat soalan atau latihan yang diberikan guru, peserta kajian akan menjawab tanpa mengetahui jawapan yang sebetulnya atau dengan kata lain menjawab secara sambil lewa. Di samping itu, peserta kajian juga ada menyatakan bahawa tidak dapat bertanya terus dengan guru disebabkan masa yang terhad sehingga menyebabkan peserta kajian terlupa untuk bertanya selepas itu.

Sebenarnya kan cikgu, saya kan masa cikgu ajar mula-mula saya okay ada la faham sikit, lepas tu makin lama saya jadi tak faham. Saya mahu tanya tapi saya tidak dapat tanya sebab semua orang tanya sampai masa saya mau tanya terus habis masa...(PK2,TB).

Manakala, menurut PK2, peserta kajian menyatakan bahawa semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bermula peserta kajian boleh memahami serba sedikit isi pelajaran. Namun, seiring dengan berlalunya masa semasa kelas dalam talian dijalankan, peserta kajian tidak lagi dapat mengikuti isi pelajaran dengan baik menyebabkan fokus peserta kajian semakin hilang. Kesuntukan masa untuk bertanya juga menjadikan peserta kajian tidak dapat bertanya terus kepada guru semasa kelas dalam talian.

Jadual 2: Bahan Pengajaran

Konstruk 2: Bahan Pengajaran	PK1	PK2	PK3	Jumlah
Saya cepat bosan kerana bahan yang digunakan tidak menarik.	/	/	/	3
Latihan yang diberikan guru terlalu sukar untuk saya.	/	/	/	3
Saya tidak suka membaca nota yang cikgu beri kerana tidak berwarna.	/	/	/	3

Hasil temu bual bersama tiga orang peserta kajian mendapati bahawa bahan pengajaran yang digunakan oleh guru tidak menarik menjadikan peserta kajian berasa bosan semasa kelas dalam talian dijalankan. Selain itu, nota yang diberikan guru semasa kelas dalam talian tidak pelbagai iaitu hanya satu warna atau hitam putih sahaja. Hasil dapatan daripada data temu bual bahan pengajaran yang tidak menarik menjadikan peserta kajian cepat bosan dan tidak berminat untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian.

Masa kelas itu “online”, saya rasa sedikit “boring” sebab cikgu ajar tak seronok. Semua homework cikgu bagi susah lo..haha...(PK1,TB).

Saya ada baca nota cikgu bagi, tapi saya kurang faham sebab tak seronok baca nota tu semua tulisan sama je tak ada warna-warni, buat saya mengantuk...hihi. mmm..lepastukan cikgu, saya memang cepat mengantuk masa kelas sebab saya bosan masa kelas...(PK2,TB).

Sebenarnya kan cikgu, masa saya kelas “online” saya selalu rasa bosan sebab cikgu ajar guna benda yang sama lepastu tak ada bahan yang lain yang buat saya seronok. Kerja rumah pun susah juga untuk saya buat sebab saya kurang faham nota yang cikgu bagi sebab terlampau banyak untuk saya baca.

Berdasarkan hasil temu bual di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bahan pengajaran yang digunakan oleh guru semasa kelas dalam talian mahupun secara bersemuka perlulah pelbagai bagi menarik minat murid untuk mempelajari isi pelajaran yang diajar tanpa berasa bosan dan memudahkan murid untuk memahami apa yang dipelajari semasa di dalam kelas.

Jadual 3: Infrastruktur

Konstruk 3: Infrastruktur	PK1	PK2	PK3	Jumlah
Saya tidak mempunyai capaian Internet atau data yang mencukupi.	x	/	/	2
Saya berkongsi gajet dengan adik-beradik yang lain.	x	x	/	1
Saya tidak dapat fokus kerana rumah saya selalu bising	x	x	/	1
Saya ada gajet yang mencukupi untuk saya belajar sendiri.	/	x	x	1
Saya ada capaian Internet yang mencukupi.	/	x	x	1

Hasil dapatan temu bual mendapati bahawa PK1 tidak mempunyai sebarang masalah tentang kemudahan sepanjang kelas dalam talian dilaksanakan. Manakala, PK2 mempunyai satu masalah semasa mengikuti kelas dalam talian iaitu kurang capaian Internet atau data. Namun, PK3 mempunyai kekurangan kemudahan untuk peserta kajian mengikuti kelas dalam talian dengan baik.

Rumah saya ada data banyak cikgu. Saya ada komputer sama “handphone” sendiri. Tak ada masalah punya kalau mau buat kelas “online” sekarang haha...(PK1,TB).

Menurut PK1, semua kemudahan seperti komputer dan telefon pintar sudah tersedia. Peserta kajian juga tidak mempunyai masalah tentang capaian Internet kerana peserta kajian mempunyai data yang mencukupi untuk peserta kajian mengikuti kelas dalam talian.

“Line” Internet saya selalu putus-putus la cikgu masa kelas. Sebab kawasan rumah saya selalu kurang Internet. Lagi la kalau “time” hujan. Internet saya selalu taka da..(PK2,TB).

Menurut PK2, capaian Internet di rumahnya kurang dan menyebabkan sesi pembelajarannya terganggu kerana capaian Internet kurang kuat disebabkan peserta kajian tinggal di kawasan yang kurang capaian Internet.

Saya tak ada komputer atau telefon sendiri cikgu. Saya selalu kongsi dengan adik-beradik saya yang lain. Kadang-kadang data saya tak cukup sebab adik-beradik saya pun guna untuk kelas dorang. Lagipun, rumah saya bising sebab adik-adik saya main sampai saya tak dapat fokus masa kelas “online”...(PK3,TB).

Menurut PK3, banyak kekangan sepanjang mengikuti kelas dalam talian. Antaranya, tidak mempunyai gadget serta mempunyai data atau capaian Internet yang mencukupi kerana perlu berkongsi dengan adik-beradiknya yang lain menyukarkan untuk peserta kajian mengikuti kelas dalam talian dengan baik. Selain itu, keadaan yang bising semasa di rumah juga menjadikan peserta kajian hilang fokus untuk memahami isi pelajaran dengan baik.

Kesimpulannya, berdasarkan data daripada temu bual yang dijalankan, Pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang dilaksanakan semasa hampir dua tahun akibat penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menyekat penularan wabak ini daripada menular dengan lebih teruk sehingga semua sektor termasuk sektor Pendidikan terjejas. Hal ini kerana, impak PdPR kepada murid-murid khususnya murid yang berada di SJK mengalami kemerosotan dalam penguasaan kemahiran Bahasa Melayu akibat pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini. Kemerosotan ini kita dapat lihat peningkatan kemasukan murid ke peralihan pada sesi 2023/2024 hasil daripada Ujian Sesi Akhir Akademik (UASA) yang dijalankan untuk murid Tahap 2 di sekolah rendah. Kurangnya pemahaman akan kosa kata bahasa Melayu terhadap soalan yang dinyatakan di dalam UASA. Perkara ni terjadi kerana kurangnya penguasaan isi pelajaran murid sepanjang PdPR atau kelas dalam talian yang dipengaruhi oleh pembelajaran sendiri murid, bahan pengajaran yang kurang menarik serta kemudahan infrastruktur seperti gadget dan data atau capaian Internet yang tidak mencukupi semasa kelas dalam talian atau PdPR dilaksanakan.

8. Perbincangan

Hasil dapatan mendapati bahawa kosa kata yang terhad serta tidak memahami perkataan bahasa Melayu dengan baik menjadikan murid-murid tidak dapat menjawab soalan UASA dengan baik. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Faizah Abdul Rashid (2022), penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif atau bumiputera berada dalam keadaan yang membimbangkan atau kritikal. Inilah yang berlaku kepada peserta kajian dalam

kajian ini yang merupakan murid sekolah rendah yang belajar di SJK. Ditambah lagi, setelah lama belajar secara dalam talian ataupun belajar secara sendiri di rumah akibat PdPR akibat penularan wabak Covid-19 selama hampir dua tahun telah menjadikan penguasaan kemahiran murid semakin lemah akibat persekitaran yang terdiri daripada bukan penutur bahasa Melayu.

Selain itu, murid tidak bersedia untuk menjawab soalan UASA dengan baik juga menjadi penyumbang kepada penguasaan Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan murid. Seperti diketahui, kesediaan murid adalah amat penting bagi memastikan faham dan yakin untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik khasnya semasa menjalani ujian atau menjawab soalan UASA. Peserta kajian menyatakan bahawa tidak bersedia semasa menjawab soalan UASA kerana sudah terbiasa tidak mempunyai sebarang bentuk ujian dan telah lama belajar di rumah. Oleh itu, banyak soalan yang hanya tinggalkan tidak menjawab soalan tersebut kerana tidak memahami isi kandungan soalan tersebut. Apabila murid tidak bersedia untuk mempelajari sesuatu akan mempengaruhi kognitif dalam menguasai kemahiran bahasa Melayu dengan baik. Kesediaan murid ini sangat penting seperti yang dinyatakan oleh Chew Fong Peng & Nur Juliana (2021) menyatakan kesediaan murid merangkumi pengetahuan, sikap dan kesediaan mempelajari sesuatu.

Di samping itu, penggunaan aktiviti yang menarik serta bersesuaian dengan tahap penguasaan murid dalam Bahasa Melayu juga amat penting. Apatah lagi semasa kelas dalam talian dijalankan. Aktiviti yang menarik dapat menarik minat murid untuk mempelajari dan memahami isi pelajaran dengan lebih baik tanpa berasa bosan. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Nilavani dan Khairul Azhar pada tahun 2021 yang menyatakan pembelajaran menjadi lebih menarik dan yang mampu mengekalkan fokus murid. Apabila sesi pengajaran dan pembelajaran menarik dan ada komunikasi dua hala antara guru dan murid yang aktif, secara tidak langsung murid akan lebih focus dan tidak mengantuk semasa kelas dalam talian dilaksanakan.

9. Implikasi

Hasil dapatan kajian dapat membantu bagi meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK. Implikasi kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa pihak yang terlibat. Antaranya, murid, guru dan pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Melalui kajian ini, murid dapat mengetahui kelemahan serta kekurangan yang mereka hadapi selepas pasca PPDR. Murid dapat mengetahui punca penguasaan kemahiran bahasa Melayu semakin lemah dan mencari cara untuk mengatasi masalah tersebut dengan belajar dengan lebih giat supaya tidak perlu mengikuti kelas peralihan pada masa akan datang. Melalui kajian ini, para guru dapat mengetahui masalah yang dihadapi murid dan mencari cara untuk mempelbagaikan strategi serta kaedah yang sesuai dengan tahap penguasaan murid dalam Bahasa Melayu di dalam kelas. Pihak sekolah juga dapat melaksanakan program yang bersesuaian dengan kemahiran murid serta merancang strategi bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK. Pihak sekolah juga dapat mengurangkan murid yang mengikuti kelas peralihan di peringkat menengah kelak.

Melalui kajian ini, pihak PPD boleh mendapatkan maklum balas dari pihak sekolah bagi membuat program yang bersesuaian bagi sekolah di bawah kelolaan PPD. Selain itu, apabila maklum balas dari pihak sekolah diterima, pihak PPD boleh mencari jalan untuk mengatasi masalah murid yang semakin ramai mengikuti kelas peralihan hasil daripada pemantauan serta program atau aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan keperluan murid dan pihak sekolah di

peringkat PPD. Kajian ini boleh memberi maklum balas yang bermanfaat kepada pihak JPN. Hal ini kerana, apabila kajian ini dilaksanakan, masalah peningkatan murid yang memasuki kelas peralihan di peringkat menengah dapat dicegah dan dikurangkan dari masa ke masa. Semua maklum balas yang diterima dari peringkat sekolah dan PPD dapat dijadikan kayu pengukur bagi melaksanakan program serta inisiatif yang baharu bagi diperluas di peringkat negeri pula.

10. Kesimpulan

Kesimpulannya, penggunaan dan pemahaman kosa kata yang terhad dalam kalangan murid di SJK adalah satu punca kegagalan murid untuk menjawab soalan semasa Ujian Sesi Akhir Akademik (UASA) dilaksanakan. Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang telah dijalankan selama hampir dua tahun telah menjadi salah satu punca kepada ketidakyakinan serta penguasaan Bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid khususnya dalam kalangan murid di SJK yang majoritinya adalah murid bukan Melayu yang bahasa pertama mereka bukan bahasa Melayu. Oleh itu, masalah yang dinyatakan oleh murid di dalam kajian ini dapat membantu para guru untuk mengenal pasti strategi serta kaedah yang bersesuaian dengan tahap penguasaan serta Kemahiran Bahasa Melayu semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, semua pihak haruslah bersatu untuk memastikan murid-murid di SJK khususnya murid bukan penutur natif ini boleh menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mampu berkomunikasi dengan masyarakat dengan menggunakan bahasa Melayu yang lancar tanpa sebarang masalah semasa komunikasi dua hala berlangsung. Di samping itu, di sini ada sedikit cadangan bagi pengkaji pada masa hadapan. Kajian ini boleh diperluas kepada semua peringkat sekolah iaitu sekolah kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Para pengkaji juga menjalankan kajian dalam bentuk kualitatif bagi memperoleh data yang lebih banyak.

Rujukan

- Chew Fong Peng dan Nur Juliana. 2021. Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2): 29-43.
- Faizah Abdul Rashid. 2022. Cabaran Belajar Subjek Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Bukan Bumiputera Di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi*, 15(2): 13-22
- Nora'Azian Nahar. 2020. Penguasaan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Di Sekolah Jenis Kebangsaan (Sjk). *Issues in Language Studies*, 9(1): 107-123.
- Wahyu Trisnawati dan Sugito. 2021. Pendidikan Anak dalam Keluarga Era Covid-19. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(1): 823-831.